

536:  
FIMA

147 9

KUALA LUMPUR, 11 OGOS (BERNAMA) — ENCICK AZIZ YASSIN TELAH DILANTIK MENJADI PENGARAH URUSAN SYARIKAT PERUSAHAAN MAKANAN MALAYSIA (FIMA).

ENCICK AZIZ, YANG SEKARANG MENJADI PENERUSI DAN PENGARAH URUSAN KILANG NENAS MALAYA SDN BERHAD AKAN MELETAKKAN JAWATANNYA PADA 16 OGOS INI SEBELUM MEMULAKAN TUGAS BERUNYA.

PERLANTIKAN TERSEBUT DIBUAT OLEH LEMBAGA PENGARAH FIMA DENGAN PERSETUJUAN MAJLIS TINDAKAN NEGARA PADA 13 JUN LALU.

PENERUSI FIMA, DR. MAHATHIR BIN MOHAMED KETIKA, MENGUMUMKAN DEMIKIAN DISATU SIDANG AKHBAR DI SINI HARI INI BERKATA, PIHAK LEMBAGA JUGA TELAH BERSETUJU MENGAMBILALIH SEMUA ANAK SYARIKAT KILANG NENAS MELAYA MULAI TARIKH ITU.

BELIAU MENERANGKAN BAHAWA PERLANTIKAN ENCICK AZIZ ADALAH SEBAHAGIAN DARI PENYUSUNAN SEMUAL FIMA SUPAYA BADAN ITU DAPAT MENJALANKAN TUGASNYA DENGAN LABIH BERKESAN.

DENGAN ITU ENCK AZIZ TIDAK LAGI MENJADI PENERUSI ATAU PENGARAH URUSAN ANAK-ANAK SYARIKAT KILANG TERSEBUT YANG TERDIRI DARI MALAYSIA CAN COMPANY, FIMA NEW YORK, FIMA LONDON DAN FIMA HAMBURG YANG TELAH DIGANTUNG KEGIATANNYA. —BERSAMBUNG 1458/TL

537:  
FIMA 2 KUALA LUMPUR

DR. MAHATHIR BERKATA, ADALAH TIDAH BENAR SAMA SEKALI KHABAR-KHABAR ANGIN KONONNYA ENCICK AZIZ TELAH MELETAKKAN JAWATAN SEBAGAI PENERUSI DAN PENGARAH URUSAN KILANG NENAS TANAH MELAYU DAN KONONNYA FIMA MERANCANG MENUTUP KILANG NENAS DI PULAI SEBATANG, PONTIAN.

MENURUT BELIAU, KHABAR-KHABAR ANGIN ITU TELAH MENIMBULKAN KEGELISAHAN DIKALANGAN PEKERJA-PEKERJA TERSEBUT DAN PARTI-PARTI POLITIK DI KAWASAN ITU.

DR. MAHATHIR MENERANGKAN BAHAWA FIMA SEBAGAI SEBUAH SYARIKAT INDUK MENJALANKAN URUSAN MELALUI ANAK-ANAK SYARIKATNYA TERDIRI DARI KILANG NENAS MALAYA SDN BERHAD, PERUSAHAAN GAJUS MALAYSIA SDN BERHAD DAN KOTAK MALAYSIA SDN BERHAD.

KILANG NENAS MALAYA PULA MEMPUNYAI BEBERAPA ANAK SYARIKATNYA SENDIRI TERMASUK MALAYSIA CAN COMPANY, FIMA NEW YORK DAN FIMA LONDON..

PIHAK LEMBAGA FIMA BERPENDAPAT BAHAWA SALAH SATU SEBAB FIMA TIDAK DAPAT BERGERAK DENGAN LANCAR IALAH KERANA KEBANYAKAN PEGAWAINYA MEMEGANG JAWATAN YANG TERLALU BANYAK DIBEBERAPA BUAH ANAK SYARIKATNYA. —BERSAMBUNG 1503/TL

538:

FIMA 3 KUALA LUMPUR

SEBAGAI CONTOH, ENCIK AZIZ DISAMPING MENJADI PENERUSI DAN PENGARAH URUSAN ANAK-ANAK SYARIKAT, JUGA TERLIBAT DALAM USAHA PEMASARAN KILANG NENAS MALAYA SERTA MENJADI PENERUSI SYARIKAT CONSOLIDATED PINEAPPLE SALES LTD YANG DIDAFTARKAN DI SINGAPURA.

MENGENAI KILANG NENAS DI PULAI SEBATANG, DR. MAHATHIR BERKATA, PIHAKNYA AKAN MEMPERLUASKAN KEGIATAN KILANG ITU BAGI MEMPROSES LAIN-LAIN JENIS BUAH-BUAHAN SEPERTI PISANG DAN NANGKA UNTUK DITANAKAN.

PADA MASA INI KILANG ITU BELUM LAGI MENCAPAI HAD PENGELUARAN YANG SEPENUHNYA.

FIMA JUGA MERANCANG HENDAK MEMBUKA 5,000 EKAR LADANG DI RANCANGAN JOHOR TENGGARA UNTUK TANAMAN BUAH-BUAHAN SEPERTI RAMBUTAN, BETEK DAN DURIAN.

BUAH-BUAHAN ITU, AKAN DITINKAN UNTUK EKSPOT KELUAR NEGERI ATAU DIJUAL SECARA MENTAH.

FIMA JUGA BERCADANG MEMBUKA KEBUN NENASNYA SENDIRI SELUAS 2,000 EKAR BAGI MENGATASI MASALAH MUTU NENAS MENTAH YANG KURANG BAIK YANG DIBEKALKAN OLEH PEKEBUN-PEKEBUN KECIL. —BERSAMBUNG 1510/TL

539:

FIMA 4 KUALA LUMPUR

JELASNYA, + RANCANGAN MENGADAKAN KEBUN NENAS SENDIRI BUKAN BERTUJUAN MENOLAK NENAS-NENAS YANG DIBEKALKAN OLEH PEKEBUN-PEKEBUN KECIL KEPADA KILANG-KILANG KITA TETAPI UNTUK MENJAMIN BEKALAN NENAS MENTAH YANG BERMUTU TINGGI. +

BELIAU MENERANGKAN, SALAH SATU SEBAB KILANG NENAS MALAYA TIDAK MEMPEROLEHI KEUNTUNGAN YANG LEBIH IALAH KERANA KILANG-KILANG PERSENDIRIAN MEMPUNYAI LADANG-LADANG NENAS MEREKA SENDIRI YANG DAPAT MENGELUARKAN NENAS YANG BAIK.

MENYENTUH TENTANG MASALAH PERUSAHAAN NENAS TEMPATAN, DR. MAHATHIR BERKATA, PADA MASA SEKARANG MALAYSIA TIDAK DAPAT KEUNTUNGAN YANG LEBIH KERANA BELANJA PENGELUARAN NENAS TIN ADALAH TINGGI BERBANDING DENGAN NEGARA-NEGARA PENGELUAR YANG LAIN SEPERTI THAILAND DAN FILIPINA. — BERNAMA 1514/TL